

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: CAS - Pusat Pengajian Pengkomputeran
Sent: Wednesday, May 16, 2018 5:06 PM
To: UUM - All Staff
Subject: KEJAYAAN SULONG KUMPULAN PARADIGMA SOC DI KONVENSyen KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)



**Pusat Pengajian
Pengkomputeran
School Of Computing
Universiti Utara Malaysia**

“MUAFAKAT KEDAH”

16 Mei 2018/ 30 Syabaan 1439H

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

KEJAYAAN SULONG KUMPULAN PARADIGMA SOC DI KONVENSyen KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)





Penyertaan sulong buat kumpulan PARADIGMA dari Pusat Pengajian Pengkomputeran telah mendatangkan hasil yang tidak dijangka apabila telah dinobatkan sebagai Naib Johan pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) terbuka UUM 2018 (Kategori Pengurusan) di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen UUM, semalam. Kejayaan ini melayakkan membawa pulang hadiah bernilai RM1500.

Permasalahan berkaitan dengan lambakan barang-barang yang tertinggal di makmal dan tidak dituntut telah memberi idea kepada kumpulan ini untuk digunakan sebagai projek yang perlu diselesaikan bagi menyertai Konvensyen KIK terbuka ini. Penyelesaian masalah melalui pembangunan aplikasi berasaskan WEB telah dibangunkan dengan tujuan untuk memaklumkan kepada semua pelajar berkaitan barang yang tertinggal. Aplikasi tersebut boleh dicapai melalui alamat berikut : <http://uumresearch.com/soc>. Aplikasi ini boleh dicapai di mana-mana sahaja melalui Internet.

Kejayaan tersebut akan melayakkan kumpulan PARADIGMA untuk menyertai Konvensyen KIK peringkat Universiti Awam di Kuala Lumpur penghujung tahun ini. Kejayaan ini bukanlah datang secara mudah tetapi memerlukan pengorbanan yang tinggi dari ahli kumpulan sehingga terpaksa mengorbankan masa cuti umum bagi menyiapkan projek tersebut. Proses untuk menyiapkan dokumentasi yang memenuhi kriteria KIK adalah cabaran yang paling getir. Namun kerjasama mantap yang ditunjukkan oleh ahli telah memberi semangat untuk menyiapkan dokumen tersebut mengikut masa yang ditetapkan oleh pihak IPQ.

Kejayaan ini adalah berkat usaha dan kerjasama ahli kumpulan serta sokongan padu daripada pihak pengurusan Pusat Pengajian Pengkomputeran terutamanya pihak Dekan.

Sekian, terima kasih.

PUSAT PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN

School of Computing | College of Arts And Sciences
Universiti Utara Malaysia | 06010 Sintok | Kedah Darul Aman

Tel: +604-928 5058 / +604-928 5055 / +604-928 5001 | Faks: +604-928 5067
website: soc.uum.edu.my





Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.